



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"HINDARI PERBUATAN PENDERAAN"

12 Februari 2021 / 30 Jamadil Akhir 1442

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الْقَائِل:

إِنَّمَا السَّبِيلُ عَلَى الَّذِينَ يَظْلِمُونَ النَّاسَ وَيَبْغُونَ فِي الْأَرْضِ بِغَيْرِ الْحَقِّ أُولَئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٤٢﴾
(Surah As-Syura ayat 42)²

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ³ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁴ أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Saya berpesan kepada diri saya dan sidang Jumaat sekalian, marilah sama-sama kita tingkatkan ketakwaan kepada Allah SWT, dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita tergolong sebagai hamba Allah yang terbaik, beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk “Hindari Perbuatan Penderaan”.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Menurut catatan sejarah, masyarakat Arab zaman Jahiliah hidup dalam keadaan mundur dari segi akhlak dan sosial. Mereka suka menzalimi golongan miskin dan lemah. Perbuatan ini jelas bertentangan dengan nilai kemanusiaan. Malah tindakan mendera adalah tindakan yang dilarang dalam Islam. Sepertimana firman Allah SWT dalam surah As-Syura ayat 42 yang dibacakan oleh khatib pada awal khutbah tadi:

Maksudnya: Sesungguhnya jalan (untuk menyalahkan) hanyalah terhadap orang-orang yang melakukan kezaliman kepada manusia dan bermaharajalela di muka bumi tanpa alasan yang benar. Merekalah orang-orang yang beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya.

¹ Memuji Allah

² Ayat al-Quran

³ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁴ Pesan Taqwa



Berdasarkan ayat ini, Allah mencela perbuatan zalim dan memberikan ancaman kepada golongan yang melakukan kezaliman dengan azab yang berat di akhirat kelak.

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Perbuatan penderaan sering berlaku dalam masyarakat kita. Sebagai contoh, dalam sektor pekerjaan, terdapat majikan yang mendera pekerja mereka. Dalam kebanyakan kes, mangsa penderaan akan mengalami kesan dari sudut fizikal dan mental seperti insomnia, kemurungan dan hilang ingatan. Lebih menyedihkan, sesetengah penderaan berkesudahan dengan kematian.

Negara kita pernah dikejutkan dengan kes penderaan pembantu rumah warga Indonesia iaitu Nirmala Bonat pada tahun 2004. Pada tahun 2018 pula, seorang pembantu rumah warga Indonesia telah didera oleh majikannya namun berakhir dengan kematian sehari selepas dia diselamatkan dan menerima rawatan.

Kes-kes ini adalah contoh penderaan yang berlaku di dalam negara kita. Kes penderaan tidak sepatutnya berlaku kerana Malaysia merupakan negara anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang mengguna pakai Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat atau (UDHR). Perkara 5 (UDHR) menyatakan “**Tidak ada sesiapa pun boleh dikenakan penderaan atau layanan atau hukuman yang zalim, tidak berperikemanusiaan atau menghinakan.**”

Selain itu, Malaysia sebagai anggota Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC) telah mengguna pakai Perkara 20 Perisytiharan Kaherah, yang menyatakan bahawa, “**Adalah tidak dibenarkan seseorang individu menjalani penderaan fizikal atau psikologi, ataupun sebarang bentuk penghinaan, kekejaman atau pencabulan maruah.**”

Sebagai negara anggota PBB dan OIC, negara kita bersetuju agar tidak ada individu yang terdedah kepada sebarang bentuk penderaan. Selain itu, masyarakat perlu mengambil tanggungjawab menentang penderaan yang jelas bertentangan dengan nilai Islam dan kemanusiaan.

Mimbar ingin menyeru para pemimpin, majikan, pegawai penguat kuasa, penjawat awam atau ketua masyarakat untuk memastikan setiap ahli atau anggotanya tidak sesekali melakukan sebarang bentuk penderaan. Mimbar juga berharap agar undang-undang yang menjamin keadilan dan menentang penderaan dapat diperkasakan bagi menjamin kehidupan masyarakat yang sejahtera, berlandaskan syariat Islam dan prinsip kemanusiaan sejagat.



Sidang hadirin yang dikasihi sekalian,

Sebelum mengakhiri khutbah pertama, kesimpulan yang dapat kita ambil:

Pertama: Penderaan adalah bertentangan dengan ajaran Islam dan pencabulan hak asasi manusia.

Kedua: Islam menganjurkan umatnya menentang penderaan dan melindungi orang-orang yang dizalimi.

Ketiga: Islam menuntut kita berbuat baik terhadap sesiapa jua tanpa mengira latar belakang seseorang. Sama-sama kita hayati firman Allah di dalam surah Al-A'raf ayat 44:

وَنَادَىٰ أَصْحَابُ الْجَنَّةِ أَصْحَابَ النَّارِ أَنْ قَدْ وَجَدْنَا مَا وَعَدَنَا رَبُّنَا حَقًّا فَهَلْ وَجَدْتُمْ مَا
وَعَدَ رَبُّكُمْ حَقًّا قَالُوا نَعَمْ فَأَذَّنَ مُؤَذِّنٌ بَيْنَهُمْ أَنْ لَعْنَةُ اللَّهِ عَلَى الظَّالِمِينَ ﴿٤٤﴾

Maksudnya: “Dan (apabila ahli-ahli syurga itu berada di tempat masing-masing), berserulah mereka kepada ahli neraka: “Sesungguhnya kami telah dapati apa yang dijanjikan kepada kami oleh tuhan kami, semuanya benar. Maka adakah kamu juga dapati apa yang telah dijanjikan oleh tuhan kamu benar?” Mereka menjawab: “Benar”. Lalu berserulah penyeru (malaikat) antara mereka: “Bahawa laknat Allah tertimpa ke atas orang-orang yang zalim”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ
لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁵ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ
سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁶ وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁷ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

⁵ Memuji Allah

⁶ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁷ Pesan Taqwa



Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru jemaah supaya berpegang teguh kepada Aqidah Islamiah, berteraskan Ahli Sunnah wal Jamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, para sahabat dan tabiin, hingga kepada kita hari ini. Jagalah hubungan kita dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkanlah rumah-rumah Allah dengan istiqamah melakukan ibadah, terutamanya solat fardhu berjemaah. Sabda Nabi SAW yang bermaksud:

“Solat berjemaah melebihi solat secara bersendirian sebanyak 27 darjat.”

Mimbar juga berpesan agar kita sama-sama mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa. Hadirlah ke masjid dalam keadaan berwuduk, diwajibkan membawa sejadah sendiri dan memakai pelitup muka. Marilah kita sama-sama berwaspada, semoga masjid-masjid kita tidak menjadi kluster baharu yang akan menggagalkan usaha memutuskan rangkaian Covid-19.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁸

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁹، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ
وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ. اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ، وَالْوَبَاءَ، خُصُوصًا وَيْرُوسَ
الْكُورُونَا، وَالْعَلَاءَ، وَالْمِحْنَ، وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ، عَن بِلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَن
سَائِرِ بُلْدَانٍ عَامَّةً.

Ya Allah, berkatilah hamba-Mu yang melaksanakan tuntutan zakat dan kurniakan rezeki yang berlipat ganda kepada para pewakaf serta sucikanlah harta dan jiwa mereka, lindungilah golongan fuqara dan masakin daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Allah, kurniakanlah taufiq dan hidayah-Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah al-Maghfur-lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

⁸ Ayat al-Quran

⁹ Doa untuk Kaum Muslimin



رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. يَا عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعْظُمُ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٥١﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ
أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.